

## **CAKAP AJUK & CAKAP PINDAH**

### **A. AYAT CAKAP AJUK KEPADA AYAT CAKAP PINDAH.**

a. Langkah menukarkan ayat:

1. Jangan mengubah makna asalnya.
2. Susunan ayat hendaklah dikekalkan (yang dahulu didahulukan)

3. Lakukan perubahan perkataan:

contoh:

- saya .....dia..... - kamu .....dia
- kami .....mereka..... - hamba.....dia
- di sini.....di situ/di sana..... - begini.....begitu
- kini.....ketika itu..... - dan sebagainya.

4. Jangan gunakan "kata tanya". Tukar pada fungsinya.

contoh:

- mengapa.....punca/sebab..... - bagaimana.....cara/keadaan
- berapa.....jumlah/harga..... - bila.....masa

5. Tukar penggunaan "kata" atau "tanya" dalam ayat asal.

contoh:

- i. Ayat penyata : berkata, memberitahu, menjelaskan, menceritakan, menerangkan dan sebagainya yang sesuai dengan situasi.
- ii. Ayat silaan : mempersilakan, menjemput, mengundang, mengajak.
- iii. Ayat permintaan : meminta, merayu, menggesa, mencadangkan, menasihati.
- iv. Ayat suruhan : menyuruh, mengarahkan, memerintahkan.
- v. Ayat larangan : melarang, tidak membenarkan, menegah, menghalang.
- vi. Ayat tanya : bertanya, menanyakan, ingin tahu, ingin kepastian.
- vii. Ayat seruan : (bergantung kepada situasi ayat itu diucapkan sama ada "marah, hairan, terkejut, menyindir, memarahi, mencabar, merayu dan sebagainya".

6. Contoh penukaran ayat:

- i. "Orang itu menerima dan memberi hadiah ini kepada saya" kata Ali kepada Chan.  
Jawapah: Ali memberitahu Chan bahawa orang itu menerima dan memberinya hadiah tersebut.
- ii. "Dunia pada hari ini semakin panas kerana berlaku penipisan ozon" kata guru itu.  
Jawapan: Guru itu menerangkan bahawa dunia pada hari ini semakin panas kerana berlakunya penipisan ozon.
- iii. "Mengapakah kamu datang lewat ke sekolah hari ini, Raju?" tanya guru disiplin itu.  
Jawapan: Guru disiplin itu ingin tahu punca Raju datang lewat ke sekolah pada hari tersebut.
- iv. "Jemput makan kuih itu!" kata Mak Chan kepada Cik Lim.  
Jawapan: Mak Chan menjemput Cik Lim supaya makan kuih itu.

v. "Pak cik mesti makan ubat yang saya beri ini" kata doktor kepada pesakit itu.

Jawapan: Doktor tersebut menasihati pesakitnya seorang tua supaya makan ubat yang diberinya itu.

vi. "Amboi, bagusnya anak dara. Pukul 11.00 baru bangun tidur!" kata Mak Tan kepada Michelle.

Jawapan: Mak Tan menyindir Michelle yang baru bangun daripada tidur walaupun sudah pukul 11.00 pagi.

vii. "Hai, apa khabar Sally?" kata Fai Jun Pui.

Jawapan: Fai Jun Pui menegur Sally sambil bertanyakan khabar.

## **B. AYAT CAKAP PINDAH KEPADA AYAT CAKAP AJUK.**

a. Langkah menukarkan cakap pindah kepada cakap ajuk:

1. Ada dua cara: (anda boleh memilih mana-mana cara di bawah)
  - i. Menggunakan dialog biasa dalam bentuk perenggan.
  - ii. Menggunakan dialog seperti wawancara.
2. Jaga penukaran ayat yang telah dipelajari. Anda hanya perlu menukarkannya semula kepada bentuk asal seperti yang telah dipelajari dalam “menukarkan ayat cakap ajuk kepada ayat pindah”. Jika anda lupa, sila rujuk semula.
3. Jaga penggunaan tanda bacaan, tanda kata, tanda seruan dan sebagainya untuk mengelakkan markah anda ditolak.

b. Contoh soalan dan jawapan:

Contoh 1:

Tulis semula petikan di bawah dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

Kamariah berkata kepada Aziz dan Samad bahawa negara Malaysia memang banyak mempunyai tempat menarik untuk dikunjungi. Pendapatnya itu disokong oleh Samad dengan mengatakan bahawa negara ini mempunyai pantai-pantai yang bersih dan hutan semula jadi yang indah. Aziz pula menyatakan kehairanannya tentang ramai orang Malaysia yang masih suka melancong ke luar negara seperti ke Indonesia, Thailand, Singapura dan negara-negara Eropah. Kamariah menyetujui pandangan itu. Samad berpendapat mungkin keadaan ini berlaku kerana kurangnya promosi untuk menarik pelancong tempatan melancong di dalam negeri. Aziz bersetuju dengan pendangan Samad itu. Kamariah pula mencadangkan supaya pihak swasta seperti pusat-pusat pelancongan tempatan memberi potongan harga istimewa kepada pelancong tempatan yang mengunjungi pusat percutian mereka. Samad pula mengatakan bahawa di samping itu, kesedaran rakyat Malaysia tentang faedah melancong di dalam negeri perlu ditanam dalam diri. Kamariah dan Samad mengiakan pendapat itu. ....[ 6 markah ]

*Jawapan :*

*Kamariah ...: Malaysia mempunyai banyak tempat menarik untuk dikunjungi.*

*Samad .....: Negara ini mempunyai pantai-pantai yang bersih dan hutan semula jadi yang indah.*

*Aziz..... : Ramai rakyat Malaysia yang suka melancong ke luar negara seperti Indonesia, Thailand, Singapura dan negara-negara Eropah.*

*Samad .....: Keadaan ini berlaku kerana kurangnya promosi untuk menarik pelancong tempatan melancong di dalam negeri.*

*Kamariah.... : Pihak swasta seperti pusat-pusat pelancongan tempatan perlu memberi potongan harga istimewa kepada pelancong tempatan yang mengunjungi pusat percutian mereka.*

*Samad..... : Kesedaran rakyat Malaysia tentang faedah melancong di dalam negeri perlu ditanam dalam diri.*